Kata-kunci:
Kasar
Lembut
Membalas / Respons

Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

20 November 2026 / 10 Jamadilakhir 1448H

Kelembutan Jiwa: Penawar Ketegangan

ٱلْحَمْدُ لِلّٰهِ ٱلَّذِي هَدَانَا لِهٰذَا وَمَا كُنَّا لِنَهْتَدِيَ لَوْلَا أَنْ هَدَانَا ٱللّٰهُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا ٱللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. ٱللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ ٱللَّهِ، ٱتَّقُوا ٱللَّهَ. قَالَ تَعَالَى فِي التَّنْزِيلِ: يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱتَّقُواْ ٱللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِۦ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُم مُّسْلِمُونَ.

Zumratal mukminin rahimakumullah,

Bertakwalah kepada Allah s.w.t. dengan mematuhi segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Semoga Allah s.w.t. mengurniakan kita kelembutan tingkah laku, lisan dan hati bagi mencerminkan keindahan Islam. Amin, ya Rabbal ‘Alamin.

Sidang jemaah yang dirahmati Allah,

Kita hidup pada zaman yang sering diwarnai dengan naratif permusuhan, kebencian, perpecahan dan konflik. Sementara keluhuran budi bicara dan kelembutan hati pula kian sukar dirasai. Di tengah-tengah ketandusan sifat rahmah ini, seorang

mukmin merasa resah dan mungkin juga bersoal: *“Bagaimanakah kita dapat menjadi pembawa kedamaian pada zaman yang penuh konflik dan sengketa?”*

Mari kita merujuk teladan Nabi s.a.w. Seorang sahabat bernama Anas bin Malik r.a. meriwayatkan bahawa seorang lelaki Badwi berjumpa Nabi s.a.w., lalu menarik selendang Nabi s.a.w. dengan sangat kuat sehingga meninggalkan kesan di lehernya. Lelaki itu menuntut agar Nabi s.a.w. memberinya harta.

Bagaimanakah **respons** Nabi s.a.w. kepada **kekasaran** tersebut? Adakah beliau marah, mengherdik, atau **membalas** dengan cara yang sama? Anas r.a. berkata: *“Baginda menoleh kepadanya, sambil tersenyum, lalu mengarahkan agar lelaki itu diberikan sesuatu.”* (Riwayat Al-Bukhari dan Muslim)

Subhanallah, hadis ini cukup menyentuh hati dan mengingatkan kita tentang keindahan hati dan akhlak Nabi s.a.w. Walaupun **dikasari**, beliau tidak **membalas** dengan kekerasan, atau menjadikan sifat **kasar** lelaki itu alasan untuk **membalasnya** dengan **kekasaran** juga. Sebaliknya, Nabi s.a.w. menunjukkan sifat yang menjadi penawar ketika berlaku ketegangan, iaitu **kelembutan**.

Saudaraku,

Cara manusia berinteraksi berada di luar kawalan kita. Namun, kita boleh sahaja memilih **respons** yang terbaik untuk **membalasnya**. Ini bersesuaian dengan panduan Al-Quran dalam Surah Ali-Imran, ayat 159:

فَبِمَا رَحْمَةٍ مِّنَ ٱللَّهِ لِنتَ لَهُمْ ۖ وَلَوْ كُنتَ فَظًّا غَلِيظَ
ٱلْقَلْبِ لَٱنفَضُّوا۟ مِنْ حَوْلِكَ ۖ فَٱعْفُ عَنْهُمْ وَٱسْتَغْفِرْ لَهُمْ

Yang bermaksud: *"Maka dengan rahmat Allah, engkau (wahai Muhammad) bersikap lemah **lembut** terhadap mereka. Sekiranya engkau bersikap **kasar** dan keras hati (kepada mereka), tentulah mereka akan menjauhkan diri daripadamu. Maka maafkanlah mereka, mohonkanlah keampunan bagi mereka..."*

Sungguhpun begitu, **kelembutan** jiwa Nabi s.a.w. tidak bererti kita perlu bersikap pasif dan menanggung penderitaan dalam diam. **Kelembutan** tidak bermakna kelemahan, bahkan ia sebenarnya adalah kekuatan. Kekuatan apa, hadirin sekalian? Kekuatan menahan marah dan kemampuan untuk bersabar.

Nabi s.a.w. memiliki kekuatan fizikal dan kedudukan sosial untuk menghukum Badwi tersebut. Tetapi Nabi s.a.w. memilih untuk bersabar kerana tahu lelaki itu bertindak atas dasar kejahilan, bukan kerana berniat jahat. Namun apabila batasan dilanggar atau golongan yang lemah ditindas, Nabi s.a.w. adalah orang pertama yang berdiri tegas menuntut keadilan.

Saudara, izinkan khutbah berkongsi dua peringatan bagi memupuk **kelembutan** dalam pergaulan kita.

Pertama: Kelembutan ialah satu pilihan yang diutamakan

Kita boleh berbeza pandangan tanpa berlaku biadab. Kita boleh **membalas** setiap provokasi dengan kelembutan dan bukan **kekasaran**, dan kita boleh mempertahankan prinsip tanpa mengorbankan sifat rahmah. **Kelembutan** menuntut kita memberikan **respons** dengan hikmah walaupun dalam keadaan yang sukar.

Kedua: Empati melahirkan kelembutan

Bagaimanakah kita menzahirkan **kelembutan**, terutama kepada mereka yang tatacara atau pandangannya tidak kita fahami? Salah satu caranya ialah dengan menyedari keterbatasan pandangan kita, dan belajar melihat sesuatu menerusi perspektif insan lain.

Sebagai contoh, seorang yang bersikap **kasar** tidak semestinya bermakna dia berlaku biadab atau sombong, kerana kita tidak mengetahui apa yang telah membentuk pandangan dan peribadinya. Kita melihat tingkah lakunya, tetapi kita terhijab dari mengetahui perjalanan hidupnya. Ini menjadikan kita lebih cermat dan tidak cepat menghukum. Sebaliknya, **kelembutan** menjadi pilihan pertama kita ketika memberikan **respons**.

Inilah pendekatan Rasulullah s.a.w. ketika berdepan seorang Badwi yang menyakiti baginda. Baginda memahami bahawa Badwi itu terdesak dan memerlukan bantuan. Maka baginda senyum dan memerintahkan agar bantuan dihulurkan.

Sidang Jumaat rahimakumullah,

Dunia hari ini cukup sarat dengan naratif permusuhan, kebencian, perpecahan dan konflik. Kita tidak memerlukan suara-suara yang hanya menyemarakkan api persengketaan. Kita memerlukan lebih ramai insan yang menjadi penawar, dan membawa naratif keharmonian dan ketenangan.

Oleh itu, marilah kita meneruskan perjalanan pembawa obor kedamaian, yang telah dimulakan oleh Nabi Muhammad s.a.w. Baginda s.a.w., sentiasa menzahirkan kelembutan dan empati, walaupun dikelilingi aura negatif yang tidak diingini.

Semoga Allah s.w.t. mengurniakan kita hikmah dalam mencernakan **kelembutan** dalam kehidupan seharian. Amin, ya Rabbal ‘Alamin.

أَقُوْلُ قَوْلِي هَذا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ العَظِيْمَ لِي وَلَكُمْ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الغَفُوْرُ الرَّحِيْم.

Khutbah Kedua

الحَمْدُ للهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ، وَأَشْهَدُ أَن لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللهِ، اِتَّقُوا اللهَ تَعَالَى فِيمَا أَمَرَ، وَانتَهُوا عَمَّا نَهَاكُم عَنْهُ وَزَجَرَ.

أَلَا صَلُّوا وَسَلِّمُوا عَلَى النَّبِيِّ الْمُصْطَفَى، فَقَدْ أَمَرَنَا اللهُ بِذَلِكَ حَيْثُ قَال فِي كِتَابِهِ العَزِيزِ: إِنَّ اللهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ المَهْدِيِّينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَن بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالقَرَابَةِ وَالتَّابِعِينَ، وَتَابِعِي التَّابِعِينَ، وَعَنَّا مَعَهُم وَفِيهِم بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلمُؤْمِنِينَ وَالمُؤْمِنَاتِ، وَالمُسْلِمِينَ وَالمُسْلِمَاتِ، الأَحْيَاءِ مِنهُم وَالأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا البَلَاءَ وَالوَبَاءَ وَالزَّلَازِلَ وَالمِحَنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، عَن بَلَدِنَا خَاصَّةً، وَسَائِرِ البُلْدَانِ عَامَّةً، يَا رَبَّ العَالَمِينَ. اَللَّهُمَّ انْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْتَضْعَفِيْنَ فِي غَزَّة وَفِي فِلِسْطِينَ وَفِيْ كُلِّ مَكَانٍ

عَامَّةً، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنيَا حَسَنَةً، وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً، وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللهِ، إِنَّ اللهَ يَأْمُرُ بِالعَدْلِ وَالإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي القُرْبَى، وَيَنْهَى عَنِ الفَحْشَاءِ وَالمُنكَرِ وَالبَغْيِ، يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ، فَاذكُرُوا اللهَ العَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِن فَضْلِهِ يُعْطِكُم، وَلَذِكْرُ اللهِ أَكْبَرُ، وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.